

BAB 3

PENINGKATAN PERADABAN JEPUN MENERUSI PERWARTAAN BAHASA JEPUN MENJADI BAHASA PENTADBIRAN, EKONOMI DAN TEKNOLOGI

Semasa zaman modenisasi di era Meiji bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Belanda, Jerman, Sepanyol, Rusia dan bahasa-bahasa lain dipelajari dengan meluas dengan tujuan untuk mempelajari teknologi daripada bangsa-bangsa tersebut. Tetapi yang memahirkan bahasa-bahasa asing ini cuma dikuasai oleh individu yang mempunyai tugas-tugas khas semasa berhubung dengan negara-negara asing tersebut, contohnya, penterjemah, diplomat, pegawai kerajaan di kementerian luar dan para akademik. Pada keseluruhannya rakyat biasa mendapati bahasa asing seolah-olah tidak menjadi keperluan dan kepentingan bagi mereka. Seseorang pelajar Jepun hanya mula mempelajari bahasa asing apabila berada di sekolah menengah rendah. Ini bermakna sepanjang di sekolah rendah kanak-kanak Jepun tidak langsung didedahkan dengan bahasa asing.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Professor Edwin Reischauer, orang Jepun menghadapi masalah berhubung dengan orang luar kerana disebabkan oleh sistem bahasa dan tulisan mereka. Beliau menyambung, “*A major reason for Japan's continuing great*

cultural distinctiveness is the language and writing system, which cut her off sharply from the rest of the world' (Najmul Sabiq Khan, 1993:140). Keadaan ini telah menyebabkan penekanan terhadap pembangunan dan perkembangan bahasa Jepun diijatkan supaya ia dapat memikul tanggungjawab menjadi bahasa pentadbiran, bahasa ekonomi, bahasa sains dan teknologi dan bidang-bidang yang lain.

"The medium of instruction in Japanese schools and institutions of higher learning has been the national language (Japanese language). There was widespread curiosity in modernizing Japan concerning the institutions and practices in Western countries and translation of selected books into Japanese language was undertaken to satify it. Knowledge was disseminated through the medium of the national language".

(Najmul Sabiq Khan,1993:162)

Untuk memastikan nilai-nilai negatif daripada budaya asing tidak menyelusup ke dalam budaya orang Jepun daripada proses pemodenan yang giat dijalankan semasa era Meiji, hasil-hasil atau ilmu-ilmu yang diperolehi daripada proses terjemahan itu telah diajarkan kepada para pelajar dengan menggunakan bahasa Jepun sendiri di mana pihak pensyarah atau guru-guru hanya mengambil ilmu-ilmu yang berguna dan menyampaikannya dengan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri.

Oleh yang demikian semua sekolah dan pusat pengajian tinggi di Jepun menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar dalam proses pembelajaran dan pengajaran di semua peringkat. Memandangkan ilmu-ilmu yang diperolehi adalah daripada bahasa asing maka proses penterjemahan telah memainkan peranan yang sangat penting di dalam menyediakan istilah-istilah dalam bahasa Jepun. Proses penterjemahan

dan penciptaan ini terus dijalankan hingga ke hari ini menjadikan bahasa Jepun adalah salah satu daripada bahasa yang cepat berkembang seiring dengan kemajuan sains dan teknologi.

3.1. Bahasa Pentadbiran

Sebelum reformasi terhadap tulisan, bahasa Jepun dipenuhi dengan sinogram-sinogram atau tulisan kanji yang komplikated dan penggunaan sinogram ini tiada hadnya. Satu masalah lagi ialah tiadanya pembatasan dan had yang dikenakan kepada sesuatu sinogram untuk sesuatu maksud perkataan di mana pelbagai sinogram boleh digunakan untuk menerangkan satu perkataan. Contohnya, ikan jerung dalam bahasa Jepun adalah ‘*same*’ ditulis dengan pelbagai sinogram, 佐米、左米、佐目米 (Takeuchi, 1999:8). Kesemua bacaan sinogram tersebut adalah ‘*same*’ dan membawa maksud yang sama iaitu ikan jerung. Tiadanya penyelarasan ini telah menyebabkan kesukaran kepada orang Jepun untuk menentukan bacaannya kerana tulisan di atas itu ditulis mengikut individu untuk memilih sinogram yang disukainya. Tetapi selepas reformasi bahasa dijalankan, ‘*same*’ telah ditentukan sinogramnya iaitu 鮫. Begitu juga di dalam borang-borang di pejabat kerajaan dan di syarikat-syarikat penggunaan sinogram ini banyak berbeza serta masih mengkekalkan sinogram yang kuno dan jarang dapat dibaca oleh orang Jepun moden sekarang ini. Oleh yang demikian satu sistem bahasa yang selaras dan sistematik telah diperkenalkan untuk menentukan perjalanan dalam pentadbiran kerajaan agar dapat dijalankan dengan lancar.

3.1.1. Bahasa Rasmi di Dalam Pentadbiran

Memandangkan penyelarasan sistem bahasa Jepun adalah sesuatu yang sangat penting di dalam semua bidang kehidupan dan mengelakkan penggunaan bahasa Jepun yang bercelaru, maka kerajaan telah mengeluarkan atau mengumumkan reformasi bahasa dalam dua bentuk,

*“The reforms were announced in two forms: a cabinet *kunrei*, or decree from a higher government office to those below it, that made it binding on all government offices to follow its contents, and a more general *kokuji*, a notification or bulletin put out by the Cabinet to inform the public that did not carry any element of legal compulsion”.*

(Edward Beauchamp, 1998:75)

Kunrei merupakan dikri atau perintah daripada pihak berkuasa iaitu pihak kerajaan yang memerintahkan semua pejabat kerajaan daripada pihak atasan sehingga ke peringkat bawahan. Dengan lain perkataan, pihak kerajaan Jepun telah mewartakan penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa pentadbiran di semua pejabat kerajaan. Walau bagaimanapun di peringkat awal ini (1946) pihak kerajaan tidak mengenakan suatu perintah yang khusus tentang penggunaan reformasi bahasa kepada rakyat biasa. Sebaliknya pihak kerajaan telah mengeluarkan satu notis atau pengumuman bahawa rakyat pada waktu ini tidak diwajibkan untuk menjalankan reformasi bahasa ini dan pengumuman ini dipanggil sebagai *Kokuji*. Tetapi pihak kerajaan merayu dan memujuk pihak masyarakat Jepun supaya menerima perwartaan reformasi bahasa dalam

pentadbiran kerana masyarakat juga akan menghadapi masalah sekira berurusan dengan pihak kerajaan nanti.

Kakitangan kerajaan juga tidak terkecuali daripada melaksanakan arahan-arahan yang telah dikenakan ke atas mereka berkenaan dengan reformasi bahasa. Pentadbir-pentadbir jabatan kerajaan semasa melakukan perbincangan berkenaan dengan perkara-perkara mengenai polisi wajib menggunakan bahasa kebangsaan sejak dulu hingga kini supaya penyampaian dan hasrat dapat difahami dan diterima dengan jelas . Dalam perbahasan dan perbincangan mengenai polisi-polisi syarikat pula sememangnya penggunaan bahasa Jepun diutamakan. Bahasa yang sopan serta jelas dapat melahirkan suasana yang selesa untuk membuat keputusan. Penulis Najmul Sabiq mengatakan, “*But perhaps the most important indigenous contribution of Japan to the science of government lay in the highly developed system of discussion, adjustment of difference, consensus, and joint responsibility that characterized its historic political process*” (Najmul Sabiq Khan, 1993:162). Teknik membuat rundingan, cara mendapatkan kompromi, sifat bertanggungjawab secara kolektif adalah di antara prosidur politik tradisional Jepun dan prosidur ini telah menjadi teknik atau cara yang dijalankan hingga sekarang ini. Satu konsep “win-win” dalam rundingan memang telah lama dijalankan oleh syarikat-syarikat Jepun demi memastikan bahawa semua peringkat dalam rundingan itu mendapat keuntungan. Demi untuk mencapai kesepakatan ini memerlukan kecekapan berbahasa supaya semua peserta berasa senang dan menyetujui segala apa yang telah dipersetujui. Di Jepun sesuatu keputusan oleh kerajaan biasanya setelah melakukan

perundingan dan perbincangan dengan pihak swasta untuk membina kesefahaman kerjasama dalam mengimplementasikan sebarang polisi.

Kalau dibandingkan dengan negara lain yang pernah dikuasai oleh negara asing, kumpulan elit yang berpengetahuan biasanya terpisah daripada masyarakatnya sendiri dengan menggunakan bahasa asing sebagai medium komunikasi di antara mereka. Tetapi walaupun kumpulan elit Jepun pernah belajar, bergaul dan berunding dengan orang-orang asing, mereka tidak lupa daratan dan sentiasa memelihara budaya dan bahasa mereka disamping tetap komited dalam proses permodenan tanpa mengorbankan tradisi, imej dan identiti negara. Ini adalah salah satu sikap orang Jepun yang enggan menggadaikan maruah bangsa mereka dengan meniru budaya dan bahasa asing. Orang Jepun sentiasa mempercayai kelebihan yang ada pada bahasa mereka dan ini telah terbukti bahawa bahasa Jepun boleh menjalankan peranannya dalam proses pembangunan dan permodenan yang telah dijalankan dari era Meiji hingga kini.

3.1.2. Bahasa Rasmi di Dalam Bidang Kebudayaan

Bahasa adalah merupakan salah satu daripada elemen kebudayaan yang sangat berpengaruh dalam melahirkan identiti bangsa dan budaya sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian pihak kerajaan sangat mengambil berat tentang reformasi bahasa yang perlu dijalankan untuk menjaga bahasa Jepun sebagai bahasa yang dapat mewakili masyarakat Jepun secara mutlak dalam meluahkan ciri-ciri kebudayaan mereka. Ini telah ditegaskan oleh seorang Tmbalan Menteri Pendidikan Jepun semasa membuka mesyuarat

Majlis Bahasa Kebangsaan pada November 1946, “...stressed that script reform was necessary for the construction of a new Japan and was fundamental to all other reform. The unrestricted use of characters (kanji) and their complexity were seen as hindrances to cultural development, and the Council was requested to begin to work toward reform” (Edward Beauchamp, 1998:75).

Ekoran daripada kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan itu, Senarai Kanji Untuk Kegunaan Sementara (*List of Characters For Interim Use*) sebanyak 1850 kanji telah diterima pada mesyuarat Majlis Bahasa kebangsaan pada November 1946 bersama-sama dengan pembaharuan yang dicadangkan terhadap Penggunaan Kana Moden (*Modern Kana Usage*). Dengan perwartaan refomasi bahasa ini dalam bidang budaya, maka segala aktiviti yang berkaitan dengan kebudayaan juga perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dalam penggunaan bahasa terutamanya penggunaan kanji-kanji dan tulisan kana. Bahasa dan tulisan Jepun yang unik ini sering dikagumi kerana terdapatnya unsur-unsur budaya yang sangat ketara dalam perkembangannya melalui pensejarahan yang bermula daripada tertubuhnya kerajaan Yamato lagi. Bagi sesetengah orang akan bertanya bagaimanakah teknologi lanjutan yang moden dan keluaran industri saling bersesuaian dengan keadaan persekitaran budaya dan sosial Jepun adalah satu daripada misteri besar yang menjadi tanda tanya dalam ekonomi Jepun. Bagai orang biasa di Eropah dan Amerika Utara, Jepun dianggap sebagai sebuah negara yang mengamalkan budaya tradisional dan penuh dengan adat ketimuran yang istimewa (Masanori Moritani, 1989:2).

Penyebaran penggunaan bahasa Jepun ini adalah kesan daripada perwartaan reformasi bahasa yang merupakan strategi utama yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin Jepun demi untuk mengejar kemajuan Eropah secepat mungkin dan untuk memupuk perpaduan negara dan identiti budaya. Peranan sekolah sangat penting untuk mengajar kanak-kanak sekolah bahasa ibunda yang tercinta di mana dengan bahasa ibundalah akan menentukan samada seseorang kanak-kanak itu orang Jepun atau bukan. Lantas jika dia bertutur dan memartabatkan bahasa Jepun sebagai bahasa ibundanya sudah tentu juga kanak-kanak itu membawa dan mendokong ciri-ciri kebudayaan yang wujud di dalam bahasa itu sendiri. Jelas dengan proses pendidikan wajib yang dijalankan di negara Jepun ini secara tidak langsung telah menyebarkan intipati bahasa Jepun itu sendiri. Kenyataan seperti, “ *bahasa Jepun sukar dipelajari oleh orang asing, tulisan bahasa Jepun banyak dan sukar ditulis, bunyi perkataannya juga sukar disebut, dan sebagainya....*” telah menyebabkan orang Jepun lebih gigih berusaha menerangkan bahasa mereka. Banyak penerbitan-penerbitan tentang bahasa Jepun dikeluarkan samada dalam bahasa Jepun sendiri mahupun dalam bahasa asing, ditulis oleh orang Jepun sendiri atau pun ditulis oleh sarjana-sarjana asing. Secara tidak langsungnya di dalam tulisan-tulisan itu para penulis akan sedikit sebanyak menyalurkan pendapat-pendapat seseorang itu berdasarkan kepada latarbelakang kehidupannya yang merupakan ciri-ciri budaya. Orang Jepun memang terkenal dengan manusia yang susah nak cakap “NO”. Kalau pun ia ingin mengatakan “TIDAK”, perkataan atau frasa lain akan digunakan untuk menyampaikan mesej bahasa jawapannya adalah “TIDAK”, tetapi tidak akan menggunakan perkataan “tidak”. Mengapakah ini berlaku? Dalam budaya orang Jepun untuk menolak permintaan orang adalah tidak baik menggunakan perkataan yang

langsung dan keras seperti “NO” dan “TIDAK”, sewajarnya menggunakan perkataan atau frasa yang lain seperti …”Keputusan akan ditentukan kemudian...., Kita sedang memikirkannya...., perkara ini akan ditentukan dalam mesyuarat nanti....” Dan banyak lagi cara yang digunakan untuk mengelakkan daripada mengatakan “TIDAK”.

Kesopanan dalam berkomunikasi mengikut peringkat sosial seseorang itu memerlukan penguasaan bahasa yang mahir. Bahasa Jepun adalah salah satu bahasa yang mempunyai sistem kesopanan yang sangat ketara. Bahasa yang perlu digunakan oleh seseorang yang rendah kedudukan sosialnya mesti betul dan bersopan apabila berkomunikasi dengan seseorang tinggi tingkat sosialnya. Terdapat empat peringkat sosial dengan empat jenis bahasa sopan yang perlu dipelajari oleh orang Jepun. Pertama, komunikasi di antara orang tinggi peringkat sosial dengan yang rendah peringkat sosialnya, seperti komunikasi di antara pelajar dengan gurunya, pekerja dengan presiden syarikat, kedua, seseorang itu dengan seseorang yang sama peringkat sosialnya, ketiga, seseorang dengan seseorang yang rendah peringkat sosialnya, contoh, abang dengan adik, taukeh dengan pekerja, dan terakhir yang keempat, manusia dengan haiwan, seperti perbuatan memberi kucing makan dan aksi menyiram bunga bunga.

Melalui pembahagian bahasa sopan ini kita dapat lihat bahawa bahasa sopan itu telah mempengaruhi perhubungan di antara manusia dengan manusia dan di antara manusia dengan haiwan. Bagi orang Jepun semua unsur alam semula jadi perlu dihormati. Dengan adanya bahasa sopan ini dalam bahasa Jepun ia telah membentuk sifat atau perangai orang Jepun yang suka hormat-menghormati, menghargai alam semulajadi,

sikap bertolak ansur, lemah lembut, bersopan santun, beradab, kerjasama, rajin dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian kanak-kanak sekolah tadika telah diajar supaya belajar dan mengamalkan bahasa sopan ini supaya apabila dewasa kelak sudah cekap untuk menggunakannya di semua keadaan. Untuk memahirkan penggunaan bahasa sopan ini oleh orang asing perlu mengambil masa yang agak panjang dan perlu selalu bergaul dengan masyarakat Jepun itu sendiri barulah nampak jenis bahasa sopan yang sesuai untuk digunakan. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Jepun bertindak sebagai bahasa rasmi di dalam meningkatkan lagi peradaban orang Jepun menerusi kategori kebudayaan. Ditegaskan juga bahasa sopan yang diamalkan oleh orang Jepun berjaya membentuk sifat dan sikap orang Jepun dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

“In Japan, those who sought Western education, often did so, as we have suggested, not to replace indigenous values and norms, but rather to strengthen them. The lines of communication between national and local leadership were thus not disrupted....Continuity, authority, and communication at various levels of Japanese society seem to have been major factors in allowing political and economic change to occur rapidly and with a minimum of social disorganization”.

(Najmul Sabiq Khan, 1993:166)

Walaupun seseorang pelajar Jepun itu menuntut di luar negara biasanya ke Amerika atau negara-negara Eropah, mereka ini tidak membuang adat dan budaya mereka malah memperkuatkan lagi bahasa Jepun dan budaya mereka. Perhubungan di antara pemimpin negara dengan pemimpin bawahan juga dapat berjalan dengan mudah dengan mengamalkan bahasa dan budaya mereka sendiri yang telah melahirkan suasana harmoni dalam negara lantas membolehkan negara Jepun membuat perubahan dalam

bidang politik dan ekonomi secara drastik tanpa mengharu-birukan keadaan sosial negara. Jelasnya dengan menggunakan bahasa yang sesuai, bersopan-santun dan bertolak ansur serta sikap semula jadi orang Jepun yang suka melakukan sesuatu secara kolektif telah membantu masyarakat Jepun memelihara adat sopan dan tradisi mereka dengan baik.

Peranan pendidikan asas di Jepun bukan sahaja untuk menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran menulis, mengira dan membaca sahaja tetapi proses pendidikan ini diperluaskan dengan kemahiran berkelakuan (pendidikan moral), kemahiran memupuk sikap rajin dan suka belajar, kemahiran boleh meningkatkan dan mengubah keadaan lebih baik diri seseorang dalam kehidupan dan kemahiran mengadun sifat-sifat, nilai-nilai, kelakuan dan sikap di peringkat tumbeser seseorang. Kemahiran-kemahiran ini yang diajar sekolah-sekolah Jepun dengan menggunakan medium bahasa Jepun supaya kanak-kanak sekolah dapat menghayati kemahiran-kemahiran tersebut dengan lebih berkesan. Di samping itu proses yang tersebut di atas itu adalah satu cara untuk mempertingkatkan lagi peradaban negara Jepun melalui peningkatan budayanya.

3.1.3. Bahasa Rasmi di Dalam Bidang Ketenteraan dan Keselamatan Negara

Penggunaan bahasa Jepun dalam ketenteraan memang telah berlaku sejak zaman samurai lagi di mana hampir semua anak muda samurai telah mendapat pendidikan pada 1800 yang mana telah menggunakan bahasa Jepun sebagai medium pengajaran *bushido* dan sastera klasik Cina. Menurut Herbert Passin, pada suku pertama abad ke 19 purata kehadiran pelajar ini meningkat daripada 51,000 kepada 64,000 pelajar pada tahun 1860

an (Bryon K. Marshall, 1994:16). Pada zaman Tokugawa lagi Jepun telah mempunyai institusi ketenteraan yang rasmi di dalam mendidik dan melatih tentera dengan menggunakan bahasa Jepun sendiri sebagai medium pengajian mereka.

Memandangkan negara Jepun seperti negara-negara lain mempunyai dialek-dialek tertentu mengikut zon geografi masing-masing. Jadi pihak pemerintah Meiji telah menjalankan polisi pentadbiran pusat di semua bidang pentadbiran dan ini termasuklah sistem sekolah dan pendidikan dengan menguatkuaskan pemakaian bahasa Jepun standard yang merupakan bahasa dialek Tokyo (Edo).

“One of the earliest important steps toward a centrally administered school system actually came in the form of military academies for national defense. In 1868 a military training institute was opened in Kyoto. This was moved to the new capital in Tokyo in 1871 and then temporarily shut down in the political tumult of government reorganization, but in 1875 a modern Military Academy for army cadets was created”

(Bryon K. Marshall, 1994:26)

Pihak pemerintah Meiji memang mementingkan kekuatan militarinya dan menaruh harapan yang sangat tinggi terhadap bahasa Jepun supaya dapat menjadi medium bahasa pengantar dalam pengajian ilmu ketenteraan oleh anak muda mereka. Ini menunjukkan pemerintah Meiji mempercayai bahawa bahasa Jepun mampu digunakan sebagai bahasa rasmi dalam ketenteraan dan keselamatan negara.

Lebih-lebih lagi apabila tentera imperial Jepun dapat mengalahkan Russia dalam Perang Jepun-Russia pada 1904~1905 dan ini secara langsung telah mencapai dua slogan

Kerajaan Meiji iaitu menjadi negara yang kaya dan mempunyai pertahanan negara yang kuat. Pada ketika itu tentera darat dan laut negara Jepun adalah yang terkuat di Asia Timur. Walaupun semasa pemerintahan Meiji banyak ilmu daripada bahasa-bahasa lain dibawa masuk ke dalam bahasa Jepun, namun bahasa Jepun telah diwartakan supaya digunakan di dalam sistem pertahanan dan keselamatan negara.

Apabila kekuatan tentera Jepun menjadi kuat dan ekonominya bertambah mantap, Jepun mula menjalankan dasar imperialismnya ke atas negara-negera seperti China, Taiwan, Korea dan negara-negara Asia Tenggara. Pada ketika ini berjuta orang di negara yang dijajahnya mempelajari bahasa Jepun samada melalui pendidikan wajib bahasa Jepun ataupun melalui perhubungan mereka dengan tentera Jepun, para peniaga Jepun atau pun melalui keluarga mereka. Masih ramai lagi warga tua di negara yang dijajah oleh Jepun dahulu masih mampu bertutur menggunakan bahasa Jepun dengan fasih hingga kini terutamanya di Korea.

Menurut Edmund Burke, “*Education is the cheap defence of nations*” (dlm. Najmul Sabiq Khan, 1993:189). Dalam lain perkataan Edmund Burke mengatakan bahawa pendidikan adalah sumber pertahanan yang murah tanpa membelanjakan banyak kewangan dalam sesebuah negara. Apa yang dimaksudkan dengan kata-kata itu ialah jika masyarakat sesebuah negara itu berilmu dan berpelajaran ianya pasti dapat mempertahankan negaranya tanpa membeli atau mengeluarkan banyak belanja untuk mempertahankan negara. Dan beliau menunjukkan betapa pentingnya pendidikan kepada manusia dan ianya boleh digunakan sebagai pelindung kepada sesebuah negara. Para

tentera juga seperti orang awam yang lain perlu mempelajari bahasa untuk mendapatkan ilmu dalam bidang ketenteraan dan keselamatan negara. Maka di dalam menyampaikan ilmu dan mengajar strategi ketenteraan para pegawai Jepun telah menggunakan bahasa Jepun sendiri dalam merangka kurikulum dan aktiviti penngajaran dan pembelajaran. Lebih-lebih lagi ianya amat berguna di masa peperangan kerana bahasa kita hanya difahami oleh kita sendiri. Oleh itu semasa Peperangan Pasifik tentera Jepun telah menggunakan kod bahasa Jepunnya sendiri dan yang paling popular ialah kod "*Tora, Tora, Tora*" taitu kod arahan untuk menyerang Pearl Harbor di Hawaii.

Bermula dari sekolah lagi semangat kepewiraan dalam ketenteraan ini perlu dipupuk dengan menyemai nilai-nilai nasionalisme dan patriotisme kepada para pelajar. Ini adalah supaya mereka sanggup berjuang mempertahankan negara. Walaupun negara Jepun semasa zaman permodenan Meiji banyak mengambil pensyarah dan pegawai-pegawai daripada angkatan tentera Eropah tetapi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan dalam bahasa Jepun. Jepun ingin membuktikan bahawa dengan menggunakan bahasanya sendiri meraka boleh mengalahkan kuasa-kuasa Eropah yang bermaharajalela di Asia pada ketika itu. Hingga kini kuliah-kuliah, kursus-kursus, kurikulum, sukanan pelajaran kolej dan sekolah terntera di Jepun menggunakan bahasa Jepun sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kerana bahasa Jepun telah diwartakan sebagai bahasa pengantar di semua pusat pengajian tinggi dan sekolah dan ini termasuklah kolej-kolej tentera dan sekolah-sekolah tentera di seluruh negara Jepun.

3.2. Bahasa Ekonomi

Dasar modenisasi yang dijalankan di Jepun semasa era Meiji telah banyak mengubah keadaan negara Jepun daripada negara yang mengamalkan pertanian kini menjadi sebuah negara yang maju melalui kegiatan ekonomi yang pesat. Bahasa Jepun didapati telah memainkan peranan yang penting di dalam membantu proses permodenan ekonomi yang dilalui oleh negara Jepun. Memandangkan sifat bahasa Jepun itu sendiri yang sangat sukar untuk disesuaikan dengan bahasa lain, maka orang Jepun sangat sukar untuk memahirkan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris, maka mahu tidak mahu bahasa Jepun perlu di naik-tarafkan menjadi bahasa ekonomi dengan menjalankan proses-proses penciptaan istilah ekonomi, menterjemah buku ekonomi dan menjadikannya sebagai bahasa rasmi dalam sistem perbankan.

3.2.1. Penciptaan Istilah-Istilah Ekonomi

Pemerintah yang menguasai negara Jepun pada zaman Meiji telah bertekad untuk ‘membaratkan’ negara Jepun dan menggunakan teknologi barat untuk ‘survival’ dan bertanding dengan negara-negara barat. Maka dalam proses pembelajaran daripada negara-negara barat ini, perkataan-perkataan dalam bahasa Inggeris, bahasa Jerman dan lain-lain banyak diterapkan kepada bahasa Jepun. Seperti juga bahasa China dahulu disesuaikan ke dalam bahasa Jepun, kini giliran bahasa-bahasa barat pula disesuaikan ke dalam bahasa Jepun dari segi komunikasi dan penulisan supaya ianya tidak menjadi masalah apabila digunakan nanti. Mana-mana perkataan yang tidak dapat diterjemahkan.

maka perkataan baru terpaksa dicipta untuk menjadikan bahasa Jepun lebih sempurna dan lengkap di dalam mengejar impian untuk menjadikan Jepun sebuah negara yang maju dan kuat di dalam segala bidang.

Ekoran daripada slogan Kerajaan Meiji, "Kayakan Negara dan Kuatkan Negara," maka aktiviti ekonomi dan ketenteraan diberi tumpuan untuk mencapai impian tersebut. Perkataan yang ada di dalam bahasa Jepun adalah perkataan pinjaman daripada bahasa China yang banyak mengkhusus kepada bidang sastera dan sedikit sahaja membincangkan bidang ekonomi. Oleh yang demikian kegiatan mencipta istilah ekonomi telah dijalankan sehingga kini.

"The cabinet directives applied only on government departments; while cooperation was requested from the private sector, there was certainly no element of compulsion involved, and people were free to criticize the policies as they pleased".

(Edward R. Beuachamp,1998:81)

Kerajaan negara Jepun pada tahun 1965, mengarahkan semua jabatan kerajaan mesti menjalankan reformasi bahasa yang telah ditetapkan dan meminta kerjasama daripada pihak swasta juga untuk turut serta di dalam refomasi ini . Justeru itu secara tidak langsung kerajaan telah mengistiharkan penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa rasmi di dalam segala aktiviti negara termasuklah dalam bidang penciptaan istilah ekonomi.

Jepun telah dapat memodenkan negaranya kerana polisi-polisi yang dibentuk pada zaman itu sangat berbeza daripada polisi-polisi sebelumnya terutamanya peranan kumpulan elit yang mencetuskan idea permodenan, perkembangan proses keusahawanan dan penubuhan sistem pendidikan asas (*elementary system system of education*). Ekoran daripada penubuhan sistem pendidikan asas ini telah melengkapkan orang Jepun satu alat untuk mencipta istilah-istilah baru di bidang sains dan teknologi. “*The pivotal role of learning in the economic performance of Japan, characterized as it is by a blend of imitation and innovation.....*” (Najmul Sabiq, 1993:179). Menurut penulis Najmul Sabiq perkara penting dalam pembelajaran pencapaian ekonomi negara Jepun adalah campuran peniruan dan inovasi. Peniruan dan inovasi ini tidak sahaja di dalam bidang sains dan teknologi malah peniruan daripada proses penterjemahan istilah dan inovasi dari segi penciptaan istilah juga sangat penting di dalam pembelajaran bidang ilmu termasuklah penciptaan istilah dalam bidang ekonomi. Memandangkan negara Jepun merupakan sebuah negara terkemuka ekonomi sudah pasti banyak istilah-istilah ekonomi yang telah dicipta mengikut keperluannya dengan menggunakan bahasanya sendiri.

3.2.2. Menterjemah Buku Ekonomi Barat ke Bahasa Jepun

Bagi negara Jepun kerja-kerja menterjemah bahan daripada barat ini telah bermula daripada zaman Tokugawa lagi. Pada tahun 1811, apabila tekanan daripada pihak negara barat terhadap dasar tutup pintu Jepun ini memuncak, “....*an additional bureau for translation of European writings was created, the Institute for Investigation of Barbarian Books* (Bryon K.Marshall,1994:14) Kerajaan Tokugawa terpaksa

menubuhkan jabatan terjemahan tersebut untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan ilmu, bahasa dan orang-orang Eropah yang datang ke negara mereka.

Bermula daripada slogan zaman Meiji *Kayakan Negara dan Kuatkan Negara*, proses untuk memajukan negara melalui perdagangan memerlukan kajian dan ilmu ekonomi yang diamalkan oleh orang barat. Maka kerajaan telah menggalakkan banyak buku-buku ekonomi diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun supaya orang Jepun dapat memahirkan ilmu ekonomi dan bertanding bermiaga dengan orang barat.

Kini, walaupun negara Jepun memang terkenal dengan jolokan salah satu negara kuasa besar ekonomi dunia, tetapi aktiviti penterjemahan buku-buku ekonomi yang terkini masih dijalankan untuk menimba ilmu-ilmu baru dalam bidang ekonomi. Di antara buku-buku yang diterjemahkan kepada dalam bahasa Jepun iailah seperti *Economic Valuation of Methods*, tulisan Dr.Edward B.Barbier di terjemahkan oleh Dr. Satoshi Kobayashi. Buku ini berguna kepada pihak kerajaan, penyelidik dan orang lain yang terlibat dalam aktiviti memuliharakan tanah paya (*wetland*) dengan memperkenalkan cara dan kaedah yang berguna membuat penilaian secara ekonomi terhadap pengurusan tanah paya. *Microeconomic Analysis* (1978) dan *Intermediate Microeconomics* (1987) adalah dua hasil tulisan Hal R. Varian yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. *Transforming Traditional Agriculture* (1964) oleh Theodore William Schultz juga diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun yang menerangkan idea penulis (Theodore W.Schultz) bagaimana petani di negara-negara mundur dapat memaksimakan pengeluaran mereka.

Banyak lagi terjemahan-terjemahan buku ekonomi yang dilakukan dan aktiviti terjemahan bahan-bahan daripada barat ini tidak terhad kepada bidang ekonomi sahaja, malahan bidang-bidang lain juga sedang giat dijalankan.

“There was widespread curiosity in modernizing Japan concerning the institutions and practices in Western countries and translation of selected books into Japanese language was undertaken to satisfy it. Knowledge was disseminated through the medium of the national language”

(Najmul Sabiq,1993:162)

Proses permodenan yang dijalankan oleh pemimpin Meiji telah mendapat kritikan kerana dikuhatiri institusi dan amalan-amalan negatif orang barat akan meracuni pemikiran orang-orang Jepun. Kekuhatiran ini telah menyebabkan pihak pemerintah mengarahkan semua buku yang ingin digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu barat mestilah terlebih dahulu diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun dan diajar dengan menggunakan bahasa Jepun. Dengan ini kesangsian yang melanda masyarakat Jepun telah dapat diredukan dan ini telah membantu memperbanyakkan lagi proses penterjemahan bahan-bahan bahasa asing ke bahasa Jepun.

Walaupun kini negara Jepun sudah menjadi negara yang terkemuka di dalam bidang ekonomi namun orang Jepun masih lagi belajar daripada negara barat sepetimana yang dinyatakan dalam kenyataan di atas tadi bahawa proses pembelajaran negara Jepun dalam segala hal adalah campuran peniruan dan inovasi. Langkah pertama adalah meniru sesuatu teknologi kemudian langkah kedua adalah memperbaiki teknologi tersebut

supaya iaanya lebih bermutu tinggi. Dalam menjalani proses peniruan dan inovasi banyak sekali aktiviti R&D telah dilakukan. Maka penterjemahan dan penciptaan istilah sering dilakukan untuk memudahkan kerja-kerja nanti.

3.2.3. Bahasa Utama di Dalam Urusan Perbankan

Selaras dengan arahan pihak kerajaan negara Jepun pada 1965 di mana semua jabatan kerajaan wajib menjalankan reformasi tentang polisi bahasa dengan menggunakan sinogram yang ditetapkan oleh Majlis Bahasa Kebangsaan dan sektor perbankan juga telah dirayu supaya memberikan kerjasama melaksanakan polisi bahasa yang direformasikan itu. Ekoran daripada penyelarasan bahasa itu,maka semua jabatan kerajaan dan syarikat swasta serta pihak bank telah menggunakan bahasa Jepun yang ditetapkan sebagai bahasa rasmi di dalam urusniaganya,

3.3. Bahasa Utama di Dalam Sains dan Teknologi

Kegagalan kerajaan Keshogunan Tokugawa untuk melindung negara daripada daripada ancaman orang asing bersama runtuhnya keyakinan terhadap polisi Keshogunan Tokugawa telah menyebabkan pemberontakan politik berlaku pada akhir tahun 1850 dan 1860. Pemberontakan ini dilakukan oleh para daimyo yang mahukan pembaruan di bidang politik, ekonomi dan ketenteraan serta meningkatkan lagi pengetahuan sains dan teknologi.

Sebelum kejatuhannya, pihak kerajaan Tokugawa telah berusaha dan menubuhkan atau meluaskan lagi prenubuhan sekolah-sekolah yang menumpukan pengajaran kepada pengajian barat (*Western Learning*). Lantas, wilayah-wilayah Satsuma dan Saga dengan segera telah memperkenalkan teknologi barat dalam kurikulum di sekolah-sekolah mereka yang menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar dan melatih kadet-kadet untuk bertugas di kapal-kapal perang yang mereka beli. Ini adalah titik tolak bagaimana daimyo daripada golongan ini telah berjaya menumbangkan Kerajaan Tokugawa kerana mereka dapat menguasai dengan mendalam ilmu sains dan teknologi barat

“Whereas in the immediate postwar period the economic argument linking reductionsist scripts reforms with national reconstruction had carried great weight, and the major character and kanazukai reforms had been pushed through in a very short period of a few months, improved economic conditions now meant a degree of comparative leisure to reflect on the changes”.

(Edward R.Beauchamp, 1998:82)

Zaman selepas Perang Dunia Kedua dapat dilihat bahawa aktiviti-aktiviti reformasi bahasa Jepun telah dijadikan sebagai pengukur dalam pembangunan ekonomi. Walaupun terdapat pendapat yang berbeza tentang bagaimana reformasi bahasa itu perlu dijalankan namun kenyataan di atas menunjukkan bahawa betapa besarnya peranan bahasa Jepun yang mantap dan sistematik dalam membangunkan ekonomi negara lantas mempercepatkan lagi proses pembinaan negara. Ini adalah kerana negara Jepun berasa tidak sabar lagi untuk menjadi negara yang maju dari segala segi supaya dapat bertanding dengan negara maju yang lain di dunia. Oleh yang demikian penggunaan bahasa Jepun

telah dilihat dapat membantu dalam mendidik anak bangsa mereka ke arah kemajuan sains dan teknologi.

3.3.1. Melatih Tenaga Kerja di Kalangan Rakyat Tempatan

Kerajaan Meiji telah membentuk beberapa polisi yang berkaitan dengan latihan lanjutan untuk pekerjaan orang awam dalam bidang sains dan teknologi. Pada Julai 1869 tiga Akademi Tokugawa yang terletak di Edo (Tokyo) iaitu Sekolah Shohei Konfusian (*Confucian Shohei Gakko*), Sekolah Untuk Pengajian Barat (*School For Western Studies*) dan Sekolah Untuk Perubatan Moden (*School For Modern Medicine*) telah dicantumkan menjadi satu sekolah dengan menggunakan nama ‘*daigaku*’ (universiti) (Byron K. Marshall, 1994:26). Dengan adanya pusat pengajian tinggi yang menawarkan latihan lanjutan kepada pelajar-pelajar Jepun ini maka ilmu berkenaan dengan sains dan teknologi dapat ditimba oleh pelajar-pelajar dengan senang. Apabila pelajar ini lulus dalam pengajian mereka, mereka telah pun disediakan dengan pengetahuan sains dan teknologi untuk terus menggunakan kepakaran mereka dalam menjalani pekerjaan yang mereka ceburi. Dengan cara ini negara Jepun telah berjaya menyebarkan kemahiran sains dan teknologi kepada rakyatnya demi untuk menjadi negara yang maju dalam bidang sains dan teknologi.

Pembelajaran ilmu sains dan teknologi ini perlu diajar di peringkat sekolah ini juga tetapi kurikulumnya agak berbeza dengan kurikulum sekolah biasa. Oleh itu pada tahun 1880, Menteri Pendidikan Mori telah menubuhkan sekolah menengah lanjutan

(*Advanced Secondary Schools*) yang menawarkan kurikulum khas dalam latihan vokasional dengan menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar. Sekolah-sekolah yang serupa juga menawarkan kursus pertanian, perubatan dan teknologi. Pelajar yang lulus peperiksaan kemasukan telah diterima untuk belajar di institusi seperti Institusi Latihan Pekerja Tokyo (*Tokyo Worker Training Institute*) yang kemudian menjadi Sekolah Teknologi Tokyo (*Tokyo School Of Technology*) pada tahun 1890 (Bryon K. Marshall, 1994:71)

Pada akhir tahun 1930-an dan semasa Perang Pasifik, telah menunjukkan peningkatan yang ketara pelajar di universiti mengambil jurusan sains dan teknologi di mana yang mengkhusus dalam bidang sains meningkat lebih daripada 200% di antara tahun 1935 dan 1945, kejuruteraan meningkat 477%. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan dari pihak tentera dan di sektor perindustrian. Ini telah melibatkan pertumbuhan jumlah kolej-kolej teknikal dan berlakunya penubuhan jabatan sains dan teknologi di universiti-universiti kerajaan dan swasta. Kerajaan telah menubuhkan 12 buah kolej teknikal yang baru dan 22 buah ditubuhkan oleh pihak swasta (Bryon K. Marshall, 1994:138). Ini telah menunjukkan kesungguhan negara Jepun untuk mendidik rakyatnya sejak daripada bangku sekolah lagi dalam bidang sains dan teknologi dengan menggunakan bahasa Jepun sebagai medium pengajaran.

Pada pertengahan tahun 1970-an, terdapat 1/3 semua sekolah tinggi tidak menawarkan kurikulum vokasional dan 2/3 ada menawarnya dengan memfokuskan kepada mata pelajaran seperti perniagaan, pertanian, kedai mesin dan ekonomi rumah

tangga. Pada tahun 1985, statistik menunjukkan bahawa kursus yang diambil oleh pelajar sekolah tinggi adalah 1/4 dalam program vokasional dan 2/3 dalam program akademik.

Apabila pelajar ini keluar untuk bekerja di syarikat-syarikat, mereka diperlukan untuk mempraktikkan apa yang mereka telah pelajari. Di samping menjadi ahli masyarakat pekerja Jepun yang berdisiplin tinggi, bersemangat, rajin dan harmoni, satu faktor yang penting adalah bekerja untuk memajukan syarikat dengan taat.

3.3.2. Menggalakkan Warga Asing Yang Bekerja di Syarikat Jepun Mempelajari Bahasa Jepun

Memandangkan negara Jepun telah maju, taraf hidup rakyat telah bertambah baik dan kos operasi syarikat-syarikat Jepun pun bertambah mahal. Oleh yang demikian banyak syarikat Jepun telah keluar menanam modal sebagai pelaburan di luar negara. Kedatangan pelabur-pelabur Jepun ini ke negara luar bukan sahaja untuk mendapatkan keuntungan tetapi juga mempunyai tanggungjawab untuk memindahkan teknologi kepada negara pilihan. Di samping itu juga ia membawa budaya dan bahasa Jepun ke negara-negara luar tersebut. Penyebaran bahasa Jepun ini dijalankan oleh banyak agensi daripada negara Jepun dan salah satu daripadanya ialah Kementerian Luar Jepun.

"With the current success of the Foreign Ministry policy in promoting the study of Japanese overseas, the advent of the word processor, which has revolutionized document production in Japan, and the reestablishment of economic security despite the continued use of characters (kanji), it is generally believed that many of the earlier arguments for scripts reform are no longer valid. This outcome may be attributed in large part to the use of the political and affective arguments outlined in this article".

(Edward R. Beauchamp:1998:91)

Dengan terciptanya ‘*word processor*’ telah membantu Kementerian Luar mengrencanakan polisi-polisi untuk memperluaskan pembelajaran dan penggunaan bahasa Jepun di negara-negara luar terutamanya di kalangan pekerja-pekerja di syarikat-syarikat Jepun. Tidak dapat dinasikan juga bahawa penggunaan tulisan kanji tidak membantutkan usaha kerajaan negara Jepun mencapai sebuah negara maju dalam pelbagai bidang.

Budaya kerja orang Jepun adalah sesuatu yang sering diperkatakan oleh masyarakat dunia. Keunikan budaya ini perlu dipelajari oleh seseorang itu jika ia mahu berjaya dalam karier mereka di syarikat Jepun. Oleh yang demikian pengetahuan tentang bahasa Jepun sangat berfaedah untuk mencapai matlamat tersebut selain dapat memahami cara kerja orang Jepun.

Salah satu cara syarikat Jepun untuk menggalakkan warga asing mempelajari bahasa Jepun adalah dengan menawarkan peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran atau kursus-kursus yang dijalankan di negara Jepun. Oleh kerana kebanyakannya daripada syarikat induk dan pusat pengajian tinggi di Jepun kebanyakannya menganjurkan kursus dan pengajaran dengan menggunakan bahasa Jepun, maka para pelajar asing atau pelatih yang ingin belajar dan belatih di Jepun wajib mengetahui penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa komunikasi walaupun bahasa Inggeris dibenarkan.

Dengan itu agensi-agensi kerajaan Jepun sendiri banyak mengeluarkan biasiswa dan grant sebagai motivasi dan pendorong kepada pekerja-pekerja syarikat Jepun untuk

pergi ke Jepun untuk belajar ataupun berlatih di syarikat induk. Agensi-agenis seperti Kementerian Luar Jepun, Bank Of Japan, Japan International Cooperation Agency, Association Of International Education Japan, Japan Foundation, Kementerian Pendidikan dan Sains Jepun, syarikat-syarikat seperti Matsushita dan Japan Victory Company dan lain-lain.

Dengan cara ini selain daripada dapat menimba ilmu sains dan teknologi yang tercanggih daripada negara Jepun para pelajar ini dapat memahirkan penguasaan berbahasa Jepun kerana mereka akan dapat berkomunikasi dengan para pelajar atau pelatih-pelatih dari negara lain dengan menggunakan bahasa Jepun.